



AHMAD FAIZAL AZUMU

## SPRM buka kertas siasatan skandal tanah Perak

**IPOH:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan menerima aduan Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) berhubung dakwaan skandal tanah di Perak.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM akan melakukan siasatan berhubung laporan tersebut.

“SPRM berharap semua pihak tidak mengulas sebaliknya memberikan ruang bagi siasatan dijalankan secara telus dan profesional,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Naib Presiden Putra, Datuk Hamidah Osman membuat laporan di Pejabat SPRM Perak menggesa SPRM menyiasat dakwaan yang terkandung dalam satu surat terbuka yang tular mengenai salah guna kuasa melibatkan pemimpin kerajaan negeri.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu sedia memberikan kerjasama kepada SPRM.

“Saya mengambil maklum tentang laporan dibuat Datuk Hamidah Osman bagi pihak Putra kepada SPRM pagi tadi (semalam) berhubung beberapa dakwaan yang terkandung dalam surat layang yang tersebar dalam media sosial baru-baru ini.

“Saya secara peribadi sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama kepada pihak SPRM dalam menjalankan siasatan ke atas laporan tersebut,” katanya dalam kenyataan semalam.